

10 JUN 1999

Mahkamah - Anwar (Mahathir)

PERMOHONAN PM BATAL SAMAN ANWAR DIDENGAR 2 JULAI

KUALA LUMPUR, 10 Jun (Bernama) -- Mahkamah Tinggi di sini hari ini menetapkan 2 Julai ini untuk mendengar permohonan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk membatalkan saman fitnah RM100 juta terhadapnya oleh Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Hakim Datuk Dr R.K.Nathan juga memerintah supaya permohonan itu didengar di hadapan Penolong Kanan Pendaftar, Norliza Othman.

Anwar, 51, yang juga bekas menteri kewangan dalam samannya mendakwa bahawa Dr Mahathir telah memfitnahnya pada satu persidangan media di Jabatan Perdana Menteri pada 22 Sept tahun lepas.

Beliau mendakwa kononnya Dr Mahathir secara palsu dan berniat jahat bercakap kepada wartawan tempatan dan asing mengenai perkara-perkara yang menyentuhnya sifat beliau sebagai Timbalan Perdana Menteri.

Katanya, penerbitan perkataan-perkataan yang diucap oleh Dr Mahathir telah merosakkan nama baik, perwatakan dan reputasinya, baik di peringkat negara mahupun antarabangsa.

Dr Mahathir, dalam pembelaannya berkata, perkataan-perkataan yang dikatakan fitnah itu disiarkan atas sifat beliau sebagai Perdana Menteri Malaysia berdasarkan perlindungan bersyarat.

Anwar, dalam jawapannya berkata pembelaan itu tidak terpakai ke atas Dr Mahathir.

Beliau berkata Perdana Menteri tidak boleh bergantung kepada pembelaan berdasarkan perlindungan bersyarat kerana Dr Mahathir, ketika menuturkan dan menyebabkan perkataan-perkataan itu disiarkan dan disiarkan semula, di peringkat negara dan antarabangsa, telah bertindak secara palsu dan berniat jahat.

Selain menuntut ganti rugi RM100 juta, kos dan relief lain yang difikirkan patut oleh Mahkamah, Anwar memohon injunksi untuk menghalang Dr Mahathir daripada membuat apa-apa lagi kenyataan yang memfitnahnya.

Anwar juga menyaman Sun Corporation Sdn Bhd, menuntut ganti rugi sebanyak RM100 juta kerana fitnah bertulis bersabit dengan artikel yang disiarkan dalam akhbar, The Sun, ekoran saman terhadap perdana menteri.

Anwar yang dipecat daripada Kabinet pada 2 Sept tahun lepas, kini menjalani hukuman penjara enam tahun selepas didapati bersalah oleh Mahkamah Tinggi terhadap empat tuduhan rasuah pada 14 April lepas.

Dia akan dibicarakan terhadap tuduhan melakukan persetubuhan di luar tabii terhadap Azizan Abu Bakar, bekas pemandu peribadi isterinya, di Tivoli Villa, Jalan Medang Tanduk, Bangsar di sini.

Turut dibicarakan bersama Anwar ialah adik angkatnya Sukma Darmawan Sasmitaat Madja, seorang pemilik butik, terhadap tuduhan bersubahat dengan Anwar melakukan perbuatan itu terhadap Azizan.

-- BERNAMA

JA SBB MAI